



UMP anjur Seminar Pengajaran Cemerlang dalam Pendidikan Tinggi

Buat julang kalinya jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) dengan kerjasama Persatuan Staf Akademik (PAKAD) Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan Seminar Pengajaran Cemerlang dalam Pendidikan Tinggi (Techse) bagi berkongsi pengalaman untuk menangani cabaran sesi pengajaran dan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi.

Seminar yang bertemakan "*Reflecting on the Essence of Outcome-Based Education (OBE) for Future Educational Development*" itu dihadiri hampir 200 pensyarah dari institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) pada 7 hingga 8 November 2013 yang lalu.

Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC), Profesor Madya Dr. Wan Azhar Wan Yusoff berkata, seminar dua hari ini merupakan platform bagi ahli akademik untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang boleh dibawa hingga ke peringkat antarabangsa.

Selain itu juga seminar ini turut menampilkan pakar-pakar berkongsi pengalaman dan amalan terbaik berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

"Seminar ini juga dapat memupuk dan

menggalakkan budaya cemerlang dalam aktiviti pengajaran seterusnya menerapkan kesedaran dalam kalangan ahli akademik mengenai kepentingan dan peranan mereka dalam mengekalkan persekitaran pendidikan yang berkualiti tinggi di universiti.

Menurut Profesor Madya Dr. Wan Azhar lagi ketika merasmikan seminar tersebut, menyedari bahawa kecemerlangan pendidikan harus menjadi keutamaan, maka penekanan khas dalam seminar ini turut menyentuh berkenaan "Peningkatan Kualiti Akademik" yang sangat berkait rapat dengan empat bidang keberhasilan utama seperti mana yang terkandung di dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Selain itu, Profesor Madya Dr. Wan Azhar juga bersama-sama dengan Dr. Aishah Abu Bakar yang merupakan Pensyarah Kanan dari Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya (UM) turut menyampaikan ucapan terima kasih di dalam seminar tersebut.

Antara lain-lain yang mengambil bahagian dalam ucapan tersebut juga ialah Profesor Rangaiah Gade dari National University Singapore, Tuan Haji Yahya Samian dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi dari UMP dan Shariza Mat Aris dari UMP.

